

ASPIRASI FPP

EDISI 1, 2025

ISSN 2735-0525

FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN
UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN

<https://nsembilan.uitm.edu.my>

CABARAN
RAKAN SEKERJA
TOKSIK

KESAN BRICS
KEPADA EKONOMI
DUNIA

MENGUASAI DUNIA COKLAT:
KEJAYAAN PENGUSAHA
CHOCODAP'S

MENILAI KESAN
PENGUNAAN AI
TERHADAP
PEMBANGUNAN
INTELEKTUAL
PELAJAR
UNIVERSITI



IDEA PERNIAGAAN

MERINTIS MODEL PERNIAGAAN PKS MASA DEPAN: STRATEGI RESPONSIF TERHADAP REVOLUSI AI DAN TEKANAN GEOPOLITIK DUNIA

ZAIDATULHUSNA MOHD ISNANI, TENGKU SHARIFELEANI RATUL MAKNU,
NORHANIZA MD AKHIR, NUR ALIA AMIRNORDIN & HILWANA ABD KARIM

PENGENALAN

Perkembangan ekonomi global yang didorong oleh ledakan *teknologi kecerdasan buatan (AI)*, perubahan iklim geopolitik serta sekatan perdagangan oleh kuasa besar dunia telah mewujudkan landskap perniagaan yang semakin kompleks dan berisiko tinggi. Bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia, yang secara kolektif menyumbang secara signifikan kepada ekonomi negara. Namun begitu, fenomena ini turut membuka pintu kepada peluang-peluang baharu yang berpotensi memacu pertumbuhan mampan.

AS mengenakan tarif tinggi terhadap barangan China sebagai sebahagian daripada strategi untuk merombak sistem ekonomi dan perdagangan dunia. Polisi seperti ini akan memberi kesan kepada ekonomi dunia, termasuk ketegangan perdagangan, perubahan harga barangan, dan ketidakstabilan ekonomi bagi negara yang terlibat.

Sekatan teknologi pula mengehadkan akses negara-negara lain kepada cip canggih dan sistem AI tertentu, sekali gus melambatkan inovasi di peringkat tempatan. Negara-negara seperti China juga dikenakan sekatan eksport yang memberi kesan limpahan kepada negara ketiga melalui gangguan pasaran.

REALITI GLOBALISASI BAHARU DAN TEKANAN GEOPOLITIK

POLISI TARIF DAN SEKATAN EKONOMI OLEH KUASA BESAR

1

Kuasa besar seperti Amerika Syarikat telah memperkenalkan pelbagai bentuk tarif dan sekatan perdagangan yang memberi kesan kepada rantai bekalan global. Tarif yang dikenakan ke atas bahan mentah, komponen teknologi, dan produk siap telah menyebabkan peningkatan kos pengeluaran kepada negara-negara membangun, termasuk Malaysia.

DOMINASI AI DAN DATA OLEH NEGARA GERGASI

2

Amerika dan China sedang berlumba-lumba untuk mendominasi industri AI global. Mereka melabur dalam infrastruktur teknologi, platform data berskala besar, dan penguasaan pasaran digital. Hal yang demikian menyebabkan ketidakseimbangan kuasa teknologi kepada negara-negara membangun sering menjadi pengguna pasif, bukan penyumbang aktif kepada inovasi.

Dalam separuh pertama 2024 China telah melabur secara besar-besaran dalam industri kecerdasan buatan (AI). Syarikat teknologi utama seperti *Alibaba*, *Tencent*, dan *Baidu* telah membelanjakan sekitar USD 7 bilion untuk infrastruktur AI, termasuk pemproses dan teknologi yang menyokong pembangunan model bahasa besar. Selain itu, Alibaba telah merancang untuk melabur sekitar USD 15 bilion dalam inisiatif AI, menunjukkan komitmen China terhadap teknologi ini.

Amerika Syarikat juga telah melabur secara besar-besaran dalam industri kecerdasan buatan (AI). **Stargate Project**, yang diumumkan oleh OpenAI dengan sokongan daripada SoftBank dan Oracle melibatkan pelaburan sebanyak USD 500 bilion dalam tempoh empat tahun untuk membangunkan infrastruktur AI di Amerika Syarikat.

Selain itu, syarikat teknologi utama seperti Google, Oracle, dan NVIDIA turut menyumbang kepada pelaburan dalam AI, dengan jumlah pelaburan kolektif sebanyak USD 80 bilion dalam teknologi termaju.

CABARAN YANG MENGHAMBAT DAYA SAING PKS

(A) KETIDAKSEIMBANGAN AKSES TEKNOLOGI

AI menawarkan pelbagai manfaat dalam peningkatan kecekapan operasi dan pemahaman pasaran, realitinya ialah tidak semua PKS di Malaysia mempunyai akses kepada teknologi tersebut. Halangan utama termasuk kekurangan modal untuk pelaburan teknologi, kurangnya tenaga kerja mahir dalam bidang analitik data dan AI, serta ketidakpastian tentang pulangan pelaburan (ROI) bagi projek pendigitalan.

(B) ANCAMAN DARI GERGASI TEKNOLOGI GLOBAL

Pasaran digital global kini dikuasai oleh syarikat teknologi multinasional seperti Amazon, Google, Alibaba, TikTok Shop dan lain-lain. Dominasi ini menjadikan pasaran sangat kompetitif dan sering menenggelamkan jenama tempatan yang kurang sumber untuk bersaing dari segi pemasaran digital dan penghantaran produk. PKS yang tidak mempunyai strategi penjenamaan pintar akan kekal di pinggir ekonomi digital global.

(C) POLISI PERDAGANGAN DAN SEKATAN TEKNOLOGI

Sekatan teknologi seperti larangan eksport cip canggih dan perisian AI dari Amerika Syarikat ke China, secara tidak langsung mengganggu kestabilan rantaian bekalan global. Banyak PKS Malaysia yang bergantung kepada input teknologi dari rantau Asia Timur turut terkesan. PKS tempatan berdepan risiko terpinggir dalam gelombang Revolusi Industri 4.0 jika tidak wujud strategi penyesuaian yang tangkas dan bersifat lokal.



PELUANG STRATEGIK DALAM ERA AI DAN DIGITALISASI

(A) AUTOMASI KOS EFISIEN DAN PRODUKTIVITI BERGANDA

Penggunaan teknologi AI berskala kecil seperti sistem CRM pintar, chatbot automatik, automasi gudang dan pengurusan inventori berasaskan data membolehkan PKS mengurangkan kos operasi serta meningkatkan kecekapan tanpa perlu menambah tenaga kerja secara besar-besaran.

(B) AKSES KE PASARAN DIGITAL GLOBAL

Dengan kehadiran platform digital seperti Shopify, Shopee, Etsy dan Amazon Global Selling, serta penggunaan AI untuk analisis pasaran, PKS kini boleh memasarkan produk mereka secara terus kepada pelanggan luar negara tanpa perlu bergantung kepada ejen eksport tradisional. Teknologi AI mampu membantu dalam mengenal pasti segmen pelanggan sasaran, meramalkan tren pembelian, dan mencadangkan strategi harga yang kompetitif.

(C) PENJANAAN INOVASI PRODUK BAHARU BERDASARKAN DATA

AI membolehkan PKS mengakses corak tingkah laku pengguna melalui data digital yang diperoleh daripada laman sosial, carian dalam talian dan maklum balas pelanggan. Dengan ini, syarikat dapat mencipta produk baharu atau menyesuaikan produk sedia ada mengikut citarasa dan keperluan pasaran dengan lebih tepat.



**CADANGAN MODEL PERNIAGAAN BAHARU:
MODEL "PKS AI-ADAPTIF"**

Untuk membolehkan PKS Malaysia kekal relevan dan berdaya saing dalam era dominasi AI dan ketidaktentuan geopolitik, model perniagaan baharu yang dinamakan "PKS AI-Adaptif". berasaskan keperluan untuk menggabungkan kekuatan PKS tempatan dengan teknologi global secara berskala, kos efektif dan kontekstual dengan memaksimumkan keunikan produk tempatan untuk pasaran serantau dan antarabangsa. Menerusi cadangan model ini menekankan kepada tiga teras utama: AI Mikro Integratif, Penjenamaan Digital Global, dan Pemetaan Nilai Tempatan (Localised Value Mapping).

**AI MIKRO INTEGRATIF: AUTOMASI
MODULAR YANG KOS-EFEKTIF**

AI Mikro Integratif merujuk kepada penggunaan teknologi AI dalam bentuk kecil, spesifik, dan boleh diadaptasi mengikut keperluan serta tahap kematangan digital sesebuah PKS. Matlamatnya ialah untuk mengurangkan kos transformasi digital dengan memanfaatkan platform sedia ada, tanpa perlu membangunkan sistem kompleks dari awal. Contohnya seperti penggunaan chatbot pintar untuk khidmat pelanggan 24 jam 7 hari seminggu dalam menjawab soalan lazim, menerima tempahan dan memberi cadangan produk, Sistem Cadangan Produk (Product Recommender Systems) berasaskan sejarah pembelian pelanggan dan tabiat carian dalam talian dan Analitik Jualan Masa Nyata (Real-Time Sales Insights) untuk memantau prestasi produk, tren permintaan, dan kadar penukaran (conversion rate). Contoh aplikasi praktikal dalam penggunaan model ini apabila sesebuah PKS dalam industri makanan kesihatan mengintegrasikan AI untuk mengumpul data pemakanan pengguna dari media sosial dan laman web, menganalisis keperluan kesihatan mengikut trend umur, lokasi dan gaya hidup serta mencipta produk seperti "susu kurma untuk imunisasi remaja" atau "teh hijau detoks untuk golongan profesional".

**PENJENAMAAN DIGITAL GLOBAL:
MEMBINA JENAMA UNTUK DUNIA**

Di era e-dagang rentas sempadan, PKS Malaysia perlu melangkaui pasaran tempatan dan membangunkan identiti digital global. Ia melibatkan gabungan AI dan naratif jenama tempatan yang ditayangkan kepada pengguna antarabangsa menerusi platform digital seperti Amazon, Etsy, Alibaba dan TikTok Shop. Strategi pelaksanaannya merangkumi kepada Pembangunan kandungan automatik menggunakan AI (contohnya AI copywriting untuk deskripsi produk berbilang bahasa) dan analitik pasaran global untuk menentukan trend semasa seperti gaya rekaan, corak dan warna, penetapan harga optimum (dynamic pricing) dan keutamaan budaya contohnya sensitiviti terhadap simbol, warna dan gaya komunikasi. Sebagai contoh model A/B Testing Digital Produk yang menggunakan imej simulasi atau AI-generated mockup untuk menilai reaksi pasaran sebelum pengeluaran besar-besaran.

PEMETAAN NILAI TEMPATAN (LOCALISED VALUE MAPPING): EKSPORT BUDAYA DAN ALAM SEKITAR

Pemetaan nilai tempatan menggunakan AI bagi mengenal pasti dan memaksimumkan potensi nilai unik yang wujud secara geografi dan nilai budaya untuk pasaran antarabangsa. Pendekatan pelaksanaan ini dalam penganalisan data warisan dan budaya melalui teks, imej, dan penggunaan sejarah (misalnya menggunakan AI untuk mengkaji penggunaan tradisional herba dalam rawatan). Trend Matching seperti menggabungkan nilai lokal dengan permintaan pasaran antarabangsa contohnya teh tempatan dan permintaan terhadap teh antioksidan. Pelancongan Produk Maya (Virtual Tourism Products) dalam membina naratif produk yang bukan sekadar fizikal, tetapi turut mempromosikan lokasi dan budaya asal produk melalui platform digital dan AR/VR.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, Model PKS AI-Adaptif bukan sekadar satu rangka kerja teknikal tetapi ianya adalah strategi pembangunan ekonomi mikro yang relevan, kos efektif, dan bersifat menyeluruh dalam pemacu ekonomi negara. Melalui integrasi AI secara modular, penjenamaan digital strategik, dan pemetaan nilai lokal yang cerdas, PKS Malaysia boleh muncul sebagai pemain penting dalam ekosistem ekonomi global baharu.

Masa depan negara bergantung kepada kekuatan ekonomi kecil dan sederhana yang digerakkan oleh teknologi, namun tetap berteraskan identiti tempatan dan nilai strategik. Ini merupakan pendekatan terbaik untuk menjadikan PKS bukan sekadar penyumbang kepada KDNK, tetapi juga sebagai ejen kestabilan sosial, budaya, dan politik negara.

